



KEMENTERIAN WILAYAH
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

HASIL RUNDINGAN 23 LOT TANAH DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 9 Oktober 2018 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini membentangkan hasil rundingan 23 lot tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah diadakan di antara Pasukan *Task Force Khas Rundingan* yang dianggotai oleh Kementerian Wilayah, Pejabat Menteri Wilayah, Jabatan Peguam Negara dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pihak syarikat-syarikat yang terlibat. Sebanyak tiga kali sesi rundingan dijalankan bermula pada 25 September 2018 yang lalu, diikuti pada 2 Oktober 2018 dan yang terakhir adalah pada 4 Oktober 2018.

23 transaksi tanah yang perlu dirunding semula itu melibatkan keluasan tanah keseluruhan berjumlah 256.96 ekar yang terletak di Parlimen Bandar Tun Razak (1 transaksi), Batu (3 transaksi), Bukit Bintang (3 transaksi), Cheras (2 transaksi), Kepong (3 transaksi), Segambut (2 transaksi), Seputeh (3 transaksi), Setiawangsa (2 transaksi) dan Titiwangsa (4 transaksi).

Hasil daripada rundingan tersebut telah berjaya meningkatkan hasil kerajaan sebanyak RM149 juta berbanding perjanjian terdahulu yang mana didapati syarikat telah membeli tanah dengan harga yang rendah dan merugikan kerajaan.

Selain itu, rundingan ini juga telah memperolehi sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebanyak RM 6 juta kepada pihak kerajaan. Kerajaan juga berjaya

mendapat serahan balik tanah yang melibatkan keluasan berjumlah 12.46 ekar dengan nilai tanah sebanyak RM113.8 juta.

Secara keseluruhannya, rundingan ini telah menyelesaikan dan memuktamadkan 16 transaksi, tiga (3) memerlukan penilaian semula Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH), tiga (3) transaksi tidak dapat mencapai kata sepakat dan satu (1) transaksi akan melibatkan perbincangan antara peguam.

Kementerian Wilayah berharap agar dapat memberikan nafas baru kepada warga wilayah persekutuan melalui peningkatan hasil yang boleh digunakan untuk pembangunan bandaraya Kuala Lumpur dengan lebih cekap serta dapat melaksanakan program-program kebijakan kepada golongan yang memerlukan demi meningkatkan kesejahteraan kehidupan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah

9 Oktober 2018